GAN CHEK MENG

lwn.

SOH LAI & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
FAIZA THAMBY CHIK H
[GS NO. 22-94-90]
24 APRIL 1992

PROSEDUR SIVIL: *Pliding - Pindaan - Samada pindaan timbul daripada faktor yang sama - Samada pindaan mengubah kedudukan asal.*

Plaintif/perayu membuat rayuan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar (PKP) bertarikh 8 November 1991 di mana PKP memutuskan bahawa kebenaran diberikan kepada defendan kedua/respondent untuk meminda pernyataan pembelaannya.

Pada mulanya, defendan kedua/responden menafikan dalam pernyataan pembelaannya bahawa beliau adalah rakan kongsi plaintif. Setelah mendapat kebenaran membuat pindaan oleh PKP kesannya adalah defendan kedua/responden mengakui beliau adalah rakan kongsi plaintif dalam sebuah firma tersebut.

Plaintif berhujah bahawa pindaan itu mestilah timbul daripada faktor yang sama dari pembelaan asal.

Diputuskan:

[1] Tujuan membenarkan pindaan pada mana-mana peringkat prosiding adalah untuk membolehkan sesuatu pihak mengemukakan kesnya dengan sepatutnya pada hari perbicaraan.

[2] Pindaan mestilah dibuat untuk membolehkan Mahkamah menentukan persoalan yang sebenarnya dalam pertikaian di antara pihak-pihak yang terbabit atau untuk membetulkan sebarang kecacatan (defect) atau kesilapan (error) dalam sesuatu prosiding.

[3] Dalam mempertimbangkan pindaan, Mahkamah akan mengambil endah kepada sebarang kelengahan yang tidak berpatutan (undue delay) atau sama ada permohonan itu dibuat "*mala fide*" atau sama ada pindaan seumpama itu akan dengan cara yang tidak adil memudaratkan suatu pihak lagi dengan apa cara juga.

[4] Mahkamah boleh membenarkan suatu kausa tindakan yang baru itu berbangkit daripada fakta-fakta yang sama seperti yang telah dipersoalkan dalam mana-mana tuntutan yang telah dibuat dalam tindakan asal dan relief telahpun dituntut dalam tindakan itu oleh pihak yang memohon kebenaran untuk membuat pindaan itu.

[5] Dengan mengemukakan pengakuan bahawa defendan kedua/responden adalah rakan kongsi plaintif/perayu dan melaluinya membuat tuntutan balas dalam pindaan yang dicadangkan Mahkamah berpendapat bahawa setelah mengambilkira pernyataan pembelaan asalnya defendan kedua/respondent telah menukarkan permohonan asalnya yang memohon tuntutan plaintif/perayu dibuang dengan kos kepada suatu tuntutan (claim) dan ini akan memudaratkan plaintif/perayu.

[Rayuan dibenarkan dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Hock Hua Bank Bhd. lwn. Leong Yew Chin [1987] CLJ (Rep) 126 ***(dibezakan)***

Yamaha Motor Co. Ltd. lwn. Yamaha Malaysia Sdn. Bhd. & Ors. [1983] CLJ (Rep) 428 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 15, rr. 6, 7, 8, O. 20, rr. 5(2),(5)

Bagi pihak plaintif/perayu - Pearl Wee; T/n. Teh & Associates
Bagi pihak defendan kedua/responden - K.S. Lee; T/n. K.B. Chua & Co.

PENGHAKIMAN

Faiza Thamby Chik H:

Ini adalah rayuan plaintif/perayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar (PKP) bertarikh 8 November 1991 di mana PKP memutuskan bahawa kebenaran diberikan kepada defendan kedua/responden untuk meminda pernyataan pembelaannya seperti yang disebut dalam afidavit yang diikrar oleh Lee Kok Siang pada 9 Februari 1991.

Intinya adalah pada mula-mulanya defendant kedua/responden menafikan dalam pernyataan pembelaannya bahawa beliau adalah rakan kongsi plaintif dalam sebuah firma dan setelah mendapat kebenaran membuat pindaan oleh PKP kesannya adalah defendant kedua/responden mengakui bahawa beliau adalah rakan kongsi plaintif dalam sebuah firma tersebut. Adalah jelas di sini bahawa asas tuntutan plaintif ialah perkongsian tersebut dan liabiliti yang terbit daripadanya. Sementara itu defendan kedua/responden pula melalui pernyataan pembelaannya yang dipinda menukarkan kedudukannya (capacity) dengan mengakui bahawa beliau adalah rakan kongsi plaintif dan melalui kedudukan barunya pada masa yang sama membuat tuntutan balas ke atas plaintif.

Adalah hujah pihak plaintif bahawa pindaan itu mestilah timbul daripada faktor yang sama dari pembelaan asal dan di sini defendant kedua/responden adalah mengubah kedudukan asalnya dengan mengakui bahawa beliau adalah rakan kongsi plaintif dan oleh itu pliding selepas dipinda berbeza dengan pliding asal.

Aturan 20 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah mengenai pindaan dan k. 5(5) adalah dalam terma-terma berikut:

> 5(1) Tertakluk kepada Aturan 15, kaedah 6, 7 dan 8 dan peruntukan-peruntukan yang berikut dalam kaedah ini, Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding membenarkan plaintif meminda writnya, atau mana-mana pihak meminda plidingnya, atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang adil dan mengikut apa-apa cara (jika ada) sebagaimana yang diarahkannya.
>
> (2) Jika sesuatu permohonan kepada Mahkamah untuk kebenaran membuat pindaan yang disebutkan dalam perenggan (3), (4) atau (5) dibuat selepas apa-apa tempoh had masa yang relevan yang berkuatkuasa pada tarikh pengeluaran writ itu telah tamat, maka Mahkamah boleh bagaimanapun memberikan kebenaran sedemikian mengikut hal-hal keadaan yang disebutkan dalam perenggan itu jika difikirkannya adil berbuat demikian.
>
> (3) Sesuatu pindaan untuk memperbetulkan nama sesuatu pihak boleh dibenarkan di bawah perenggan (2) walaupun dikatakan bahawa kesan pindaan itu ialah untuk menggantikan suatu pihak baru jika Mahkamah berpuashati bahawa kesilapan yang hendak diperbetulkan itu adalah kesilapan yang tulen dan tidak mengelirukan atau hingga menyebabkan apa-apa keraguan yang munasabah tentang identiti orang yang bermaksud hendak mendakwa atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, bermaksud hendak didakwa.
>
> (4) Sesuatu pindaan untuk mengubahkan sifat yang sesuatu pihak itu mendakwa (sama ada sebagai plaintif atau sebagai defendan melalui tuntutan balas) boleh dibenarkan di bawah perenggan (2) jika sifat, kiranya pindaan itu dibuat, yang pihak itu akan mendakwa ialah sifat yang pada tarikh pengeluaran writ atau pembuatan tuntutan balas itu, mengikut mana-mana yang berkenaan dia mungkin telah mendakwa.

(5) Sesuatu pindaan boleh dibenarkan di bawah perenggan (2) walaupun kesan pindaan itu ialah untuk menambahkan atau menggantikan suatu kausa tindakan yang baru jika kausa tindakan yang baru itu berbangkit daripada fakta-fakta yang sama atau sebahagian besarnya adalah fakta-fakta yang sama seperti kausa tindakan yang berkenaan dengannya relief telah pun dituntut dalam tindakan itu oleh pihak yang memohon kebenaran untuk membuat pindaan itu.

Prinsip yang mendasari Kaedah 5 Aturan 20 ialah dengan kaedah itu Mahkamah boleh membenarkan mana-mana pihak membuat pindaan sebarang pliding walaupun selepas apa-apa tempoh had masa yang relevan. Walau bagaimanapun, kebenaran membuat pindaan itu boleh diberikan atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang adil. Pada umumnya perintah yang diberikan adalah bagi pihak yang memohon kebenaran membuat pindaan membayar kos permohonan itu dan yang bersampingan dengannya. Akan tetapi Mahkamah akan menolak kebenaran membuat pindaan seumpama itu sekiranya ia mengakibatkan kemudaratan (prejudice) atau bencana (injury) kepada pihak yang satu lagi dan kemudaratan atau bencana itu tidak boleh digantirugi atau dipampaskan dengan sesuainya dengan kos. Tujuan membenarkan pindaan pada mana-mana peringkat prosiding adalah untuk membolehkan sesuatu pihak mengemukakan kesnya dengan sepatutnya pada hari perbicaraan. Pindaan mestilah dibuat untuk membolehkan Mahkamah menentukan persoalan yang sebenarnya dalam pertikaian di antara pihak-pihak yang terbabit atau untuk membetulkan sebarang kecacatan (defect) atau kesilapan (error) dalam sesuatu prosiding. Dalam mempertimbangkan sebarang pindaan, Mahkamah akan mengambil endah kepada sebarang kelengahan yang tidak berpatutan (undue delay) atau sama ada permohonan itu dibuat "*mala fide*" atau sama ada pindaan seumpama itu akan dengan cara yang tidak adil memudaratkan suatu pihak lagi dengan apa cara juga.

Seperkara lagi Mahkamah boleh membenarkan suatu kausa tindakan yang baru ditambah jika kausa tindakan yang baru itu berbangkit daripada fakta-fakta yang sama atau sebahagian besarnya adalah fakta-fakta yang sama seperti yang telah dipersoalkan dalam mana-mana tuntutan yang telah dibuat dalam tindakan asal dan relief telahpun dituntut dalam tindakan itu oleh pihak yang memohon kebenaran untuk membuat pindaan itu. Dan perkara ini tertakluk utamanya kepada Kaedah 5(2) Aturan 20.

Saya telah meneliti pliding dalam kes ini. Dalam pernyataan pembelaannya bertarikh 4 Julai 1987 defendan kedua/responden menyatakan beliau tiada mempunyai pengetahuan mengenai perkongsian yang telah dibubarkan pada 15 Mac 1983 dan menegaskan bahawa tiada perkongsian di antara plaintif/perayu dan defendan kedua/responden dan memohon tuntutan plaintif/perayu dibuang dengan kos. Pada 11 September 1991, melalui saman dalam kamar defendan kedua/responden telah memohon kebenaran membuat pindaan ke atas pernyataan pembelaannya dan disitu pada kali pertamanya beliau mengakui bahawa beliau adalah rakan kongsi plaintif dalam perkongsian yang dibubarkan pada 15 Mac 1983 dan mengaku juga tiada perjanjian bertulis mengenai perkongsian tersebut. Seterusnya pada pertama kalinya juga beliau mengemukakan tuntutanbalas dan berikutan dengan pindaan-pindaan itu, defendant kedua/responden telah menuntut balas seperti berikut:

(a) An account of all business dealings and transaction affecting the said partnership during the period between 1 November 1980 and 15 March 1983.

(b) An account of the profits, assets and property belonging to the said partnership as at 15 March 1983.

(c) An account of all monies received by the plaintiff for and on behalf of the said partnership during the period between 1 November 1980 and 15 March 1983 and thereafter.

(d) An account of the debts and liabilities of the said partnership as at 15 March 1983.

(e) An order for payment by the plaintiff to the 2nd defendantt of the amount found to be due to him on the taking of such accounts.

(f) An order for all necessary and proper inquiries and directions for the taking of such accounts.

(g) Interests.

(h) Costs.

(i) Such further or other reliefs this Honourable Court may grant.

Semua tuntutanbalas ini adalah perkara baru dan tuntutanbalas tersebut tidak pernah dituntut dalam tindakan asal dan timbul hanya selepas pindaan kepada pernyataan pembelaan tersebut. Walaupun kausa tindakan tersebut berbangkit daripada fakta-fakta yang sama tetapi relief-relief yang dituntutbalas dalam kausa tindakan baru itu adalah relief-relief yang tidak pernah dituntut atau wujud sebelumnya. Dengan mengemukakan pengakuan bahawa defendant kedua/responden adalah rakan kongsi plaintif/perayu dan melaluinya membuat tuntutanbalas dalam pindaan yang dicadangkan, saya berpendapat bahawa setelah mengambilkira pernyataan pembelaan asalnya, defendan kedua/responden telah menukarkan permohonan asalnya yang memohon tuntutan plaintif/perayu dibuang dengan kos kepada suatu tuntutan (claim) dan ini adalah kali pertama plaintif telah dihadapkan dengan suatu tuntutan (claim).

Daripada mulanya defendan kedua/responden telah menafikan bahawa beliau adalah rakan kongsi plaintif/perayu dalam satu perkongsian yang dikenali Hup Heng Chan dan menegaskan bahawa beliau tidak tahu menahu mengenai kewujudan perkongsian tersebut dan tidak tahu menahu juga bahawa perkongsian tersebut telah terhutang dengan beberapa pemiutang. Pendek kata dalam pernyataan pembelaan asalnya bertarikh 4 Julai 1987, defendan kedua/responden menafikan dengan kerasnya mengenai kewujudan perkongsian Hup Heng Chan dan menegaskan bahawa beliau tidak ada pengetahuan langsung mengenai pemiutang-pemiutangnya. Pada akhirnya adalah jelas bahawa dalam pernyataan pembelaan tersebut defendan kedua/responden tidak ada membuat apa-apa tuntutan langsung melainkan memohon (prayed) tuntutan plaintif dibuang dengan kos.

Peguambela yang bijaksana telah mengemukakan kes Mahkamah Agung *Hock Hua Bank Bhd. lwn. Leong Yew Chin* [1987] CLJ (Rep) 126 dan kes FC *Yamaha Motor Co. Ltd. lwn. Yamaha Malaysia Sdn. Bhd. & Ors.* [1983] CLJ (Rep) 428 dan saya sedar bahawa dalam kes *Hock Hua Bank Bhd.* Abdul Hamid Hakim Besar Malaya (pada masa itu memangku Ketua Hakim Negara) telah menyatakan "I am firmly of the view that a new relief is not a relevant consideration" and "The word relief in para. (5) of r. 5 is clearly intended to refer or apply to the original cause of action ...". Tetapi dalam kes kita defendan kedua/responden tidak pernah langsung memohon sebarang "relief" malahan hanya melalui pernyataan pembelaan pindaan yang dicadangkan, beliau memohon melalui tuntutanbalasnya 8 relief yang specifik. Saya berpendapat ini adalah berlawanan dengan perenggan (5) k. 5 A. 20 dan saya memutuskan sedemikian.

Oleh hal yang demikian, saya membenarkan rayuan ini dengan kos oleh kerana permohonan asal defendan kedua/responden telah bertukar corak (character) menjadi suatu tuntutan (claim) buat pertama kalinya dan ini akan memudaratkan plaintif/perayu iaitu daripada satu permohonan

(application to dismiss) bertukar corak pada suatu tuntutan iaitu tuntutanbalas iaitu corak yang bertentangan (inconsistent character) dan kemudaratan yang berlaku ke atas plaintif/perayu itu tidak boleh dipampaskan dengan kos. Perintah yang diberikan oleh PKP diketepikan.

Also found at [1992] 3 CLJ 1547